

# Jurutera perlu keluarkan idea luar biasa — PM

UM 10 AUG 2002

Oleh ASUKI ABAS

**K**UALA LUMPUR 9 Ogos Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu jurutera tempatan mengeluarkan idea 'gila' yang luar biasa bagi memberikan sumbangan lebih bermakna kepada pembinaan negara.

Perdana Menteri berkata, idea yang tidak ortodoks selalunya boleh memberikan penyelesaian kepada pelbagai masalah dan boleh membantu para jurutera memperoleh keupayaan dan kemahiran baru dalam kejuruteraan.

"Saya menyeru para jurutera yang telah menyumbang kepada pembinaan negara supaya bergerak lebih jauh dengan keluar daripada kepompong biasa... anda mesti bersedia memikirkan idea-idea gila dalam kejuruteraan.

"Dengan memisahkan diri dari bumi nyata,

anda semua boleh mengeluarkan idea baru yang dapat membantu kita menjalani kehidupan yang lebih baik," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucapannya pada Majlis Makan Malam Ulang Tahun Ke-30 Lembaga Jurutera Malaysia di Hotel Mandarin Oriental di sini malam ini.

Menurut Perdana Menteri, para jurutera tidak seharusnya takut dengan kegagalan sebaliknya terus mencuba perkara-perkara baru sehingga mencapai kejayaan.

"Jika anda bersedia untuk gagal, saya percaya anda semua akan berjaya akhirnya.

"Idea-idea saya sebelum ini pun dianggap sebagai gila pada mulanya tetapi sekarang kita membuktikan kepada orang lain yang kita boleh melaksanakannya," ujar Perdana Menteri.

Dr. Mahathir berkata, jurutera tempatan seharusnya mengambil contoh daripada pelbagai

dasar kerajaan yang bertentangan dengan cara ortodoks sejak merdeka tetapi berhasil menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju.

"Sewaktu kita merdeka, negara lain merampas semua hak orang asing dan menguruskannya tetapi Malaysia sebaliknya mengajak orang asing pula untuk mengambil bahagian dalam perkembangan ekonomi kita.

"Hasilnya, negara kita makmur sekarang tetapi negara-negara tersebut mendapati mereka tidak dapat mencapai kemajuan kerana tidak mampu menguruskan aset-aset asing itu sebaik orang asing itu sendiri," kata Dr. Mahathir.

Menurut Perdana Menteri, jurutera Malaysia seharusnya mencari jalan untuk menyelesaikan pelbagai masalah dan bukan sekadar melaksanakan penyelesaian yang ditemui oleh orang lain.